

3767/1
Ekonomi
Kertas 1
Ogos/ Sept 2024
1 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024

EKONOMI

Kertas 1

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
5. Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Situasi yang manakah menggambarkan konsep kekurangan dalam ekonomi?
 - A Puan Zaini dapat membeli barang yang disukai hasil keuntungan perniagaannya
 - B Syarikat ABC dapat memenuhi permintaan dengan sumber ekonomi yang mencukupi
 - C Kerajaan berhasrat menyediakan infrastruktur negara menggunakan hasil kutipan cukai
 - D Aisyah mampu membeli sepasang kasut setelah menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA)
- 2 Rajah berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) dalam sebuah ekonomi.




- Apakah masalah yang dihadapi pada kombinasi pengeluaran di P?
- A Kos lepas meningkat
 - B Kekurangan sumber ekonomi
 - C Pembaziran penggunaan buruh
 - D Pilihan menjelaskan kecekapan pengeluaran
- 3 Pernyataan yang manakah menerangkan sistem ekonomi yang dikawal oleh badan perancangan pusat?
 - I Kebajikan rakyat diutamakan
 - II Persaingan saksama dalam pengeluaran
 - III Pengguna menikmati pelbagai barang
 - IV Kerajaan menentukan penggunaan sumber
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
 - 4 Masalah apa yang hendak dikeluarkan dan berapa yang hendak dikeluarkan dalam sistem ekonomi pasaran bebas diselesaikan melalui kuasa
 - A pasaran
 - B pembayaran
 - C penawaran firma
 - D permintaan pengguna

- 5 Jadual berikut berkaitan dengan permintaan suatu barang.


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Amir	Anas
5	60	40
10	30	30

Rajah yang manakah betul menggambarkan keluk permintaan pasaran?


A




B



C



D



6 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu penentu penawaran.


Kerajaan mengumumkan penamatan subsidi kepada pengeluar ayam berkuat kuasa 1 November 2023.

Sumber: Sinar Harian Online, 30 Oktober 2023

Pernyataan yang manakah betul menerangkan kesan situasi tersebut?

- A Pengurangan penawaran
- B Penguncupan penawaran
- C Peralihan keluk penawaran ke kanan
- D Peningkatan penawaran barang pengganti


7 Rajah berikut berkaitan dengan pasaran Barang R.



Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan dalam rajah tersebut?

- A Berlaku lebihan penawaran
- B Harga dan kuantiti baharu menurun
- C Matlamat firma maksimumkan untung
- D Keseimbangan baharu pada harga lebih tinggi


8 Gambar berikut berkaitan dengan keanjalan harga penawaran bagi suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Keluk penawaran adalah landai
- B Pekali keanjalan kurang daripada satu
- C Keluaran dapat ditambah dengan segera
- D Pengeluar responsif terhadap perubahan harga

- 9 Rajah berikut berkaitan dengan pekali keanjalan permintaan.



Berapakah nilai X jika pekali keanjalan harga permintaan ialah 2?


- A 27.00
 - B 47.25
 - C 49.68
 - D 50.00
- 10 Antara berikut yang manakah menerangkan peranan bank pusat dalam mengurus hutang negara?
- I Menerbitkan sijil pelaburan
 - II Menjual surat jaminan kerajaan
 - III Memberi pendahuluan sementara
 - IV Menjadi penasihat pelaburan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Encik Jaya telah membeli sebuah rumah berharga RM300 000 melalui pinjaman bank dan perlu menjelaskan bayaran ansuran pinjaman sebanyak RM1 700 pada setiap 28 haribulan.

Apakah bentuk kemudahan tersebut?

	Jenis Pembiayaan	Kemudahan Pembayaran
A	Pinjaman peribadi	Pindahan kredit
B	Pinjaman bercagar	Perintah sedia ada
C	Pinjaman sewa beli	Debit langsung
D	Pinjaman overdraft	Draft bank

12 Rajah berikut berkaitan dengan pelaburan individu.



Antara berikut yang manakah betul tentang Y?

- I Tahap risiko rendah
 - II Pulangan yang tinggi
 - III Tahap kecairan yang sederhana
 - IV Pendapatan berbentuk keuntungan modal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Pengeluaran meningkat sebanyak 50 unit setiap bulan.

Antara berikut yang manakah betul?

- I Peningkatan kos tetap
 - II Peningkatan kos purata
 - III Peningkatan jumlah kos
 - IV Peningkatan kos berubah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14 Antara berikut faktor yang manakah meningkatkan produktiviti firma?

- I Pengurusan berwibawa
 - II Menggunakan buruh mahir
 - III Mengimport bahan mentah
 - IV Peralatan digunakan berterusan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran marginal (unit)
0	0	0	-
1	6	6	6
2	14	7	8
3	24	8	10
4	32	8	8
5	37	7.4	5
6	41	6.8	4
7	44	6.3	3
8	46	5.8	2
9	46	5.1	0

Tahap pengeluaran yang manakah paling cekap?

- A Input berubah 0 hingga 3
 B Input berubah 4 hingga 8
 C Input berubah 4 hingga 9
 D Input berubah 8 hingga 9
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan kos purata, jumlah keluaran dan harga seunit bagi Perniagaan Ilmi.

Kuantiti output	1 000 unit
Harga seunit	RM3.00
Kos berubah purata	RM2.50
Kos tetap	RM2 000

Perniagaan akan mengalami

- A rugi RM500
 B rugi RM1 500
 C untung RM500
 D untung RM1 000
- 17 Mengapakah kerajaan ingin mencapai objektif guna tenaga penuh?
- A Menjamin kestabilan kos sara hidup
 B Meningkatkan rizab mata wang asing
 C Memaksimumkan jumlah pengeluaran
 D Mengurangkan defisitimbangan pembayaran

18 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis pengangguran dalam ekonomi.

Punca pengangguran:

- Kemerosotan dalam industri
- Pekerja kekurangan kelayakan dan kemahiran

Apakah punca lain yang menyumbang kepada situasi tersebut?

- A Maklumat pekerjaan yang terhad
 B Sikap buruh yang memilih pekerjaan
 C Penurunan dalam permintaan agregat
 D Berlaku ketidakstabilan harga komoditi

19 Antara berikut yang manakah mempengaruhi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia?

- I Syarikat BioNTech SE dari Jerman membuka cawangannya di Singapura
 II Marrybrown Malaysia membuka cawangan restoran di Shah Alam, Selangor
 III Syarikat Tesla (EV) dari Amerika Syarikat membuka cawangan baharu di Damansara
 IV Penerangan Batik Malaysia yang beroperasi di Indonesia menghantar balik keuntungan ke Malaysia
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

20 Apakah yang menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos?

- A Penurunan pertukaran Ringgit Malaysia
 B Peningkatan perbelanjaan masyarakat
 C Pengekalan margin keuntungan
 D Pertambahan penawaran wang

21 Manakah yang betul tentang kesan inflasi terhadap eksport Malaysia?

- A Daya saing meningkat
 B Kos pengeluaran menurun
 C Keuntungan firma meningkat
 D Permintaan barang tempatan menurun

25

22 Antara berikut tindakan kerajaan yang manakah betul dalam melaksanakan dasar fiskal mengembang?

- I Menurunkan cukai
 II Mengurangkan kadar faedah
 III Membeli surat jaminan kerajaan
 IV Menambah perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

A
 A
 B
 C
 D

- 23 Jadual berikut menunjukkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh satu tahun.

Sumber hasil	RM (Juta)
Cukai pendapatan individu	33 630
Duti eksport	1 450
Cukai pendapatan koperasi	2 565
Duti eksais	11 970
Lesen dan permit	13 788
Cukai jualan dan perkhidmatan (SST)	32 060

(Sumber: diubah suai daripada <https://ekonomirakyat.com.my/bajet-2023>)

Berapakah jumlah hasil cukai tak langsung?

- A RM36 195
B RM45 480
C RM59 268
D RM95 463

- 24 Gambar berikut menunjukkan suatu perbelanjaan pembangunan.



Apakah sektor perbelanjaan yang terlibat?

- A Keselamatan
B Pentadbiran am
C Perkhidmatan sosial
D Perkhidmatan ekonomi

- 25 Maklumat berikut menunjukkan kesan daripada tindakan Bank Negara Malaysia.

- Penciptaan kredit menurun
- Bekalan wang berkurang

Apakah tindakan tersebut?

- A Meningkatkan rizab tunai
B Mengurangkan had pinjaman
C Membeli surat jaminan kerajaan
D Memendekkan tempoh pinjaman

- 26 Pernyataan yang manakah menerangkan globalisasi?
- Usaha sama antara Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
 - Perjanjian antara perniagaan firma tempatan
 - Penggunaan internet dalam komunikasi
 - Meluaskan pasaran domestik
- 27 Pernyataan yang manakah betul tentang bentuk pelaburan langsung asing?
- Membeli saham dan bon di pasaran terbuka
 - Mengubah milikan tunggal kepada perkongsian
 - Menjalankan usaha sama dengan syarikat tempatan
 - Membina kemudahan pengeluaran di negara induk
- 28 Bentuk sekatan yang manakah dapat meningkatkan daya saing barang eksport Malaysia?
- Tarif ad valorem
 - Sekatan bukan ekonomi
 - Subsidi kepada pengeluar
 - Kawalan pertukaran asing
- 29 Gambar berikut menunjukkan suatu perjanjian perdagangan antarabangsa.



- Antara berikut yang manakah kesan positif perjanjian tersebut?
- Mengurangkan persaingan
 - Meningkatkan pelaburan langsung asing
 - Menggalakkan permintaan barang tempatan
 - Mewujudkan perdagangan dengan negara bukan anggota
- 30 Pilih pasangan yang betul bagi komposisi import barang nampak.
- | | Komposisi | Contoh barang |
|-----|-------------------|---------------------------|
| I | Barang Modal | Jentera dan mesin |
| II | Barang Pengguna | Kenderaan dan perabot |
| III | Barang Pengantara | Peralatan dan kelengkapan |
| IV | Barang Pembuatan | Bahan api dan pelincir |
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 31 Pernyataan yang manakah direkodkan dalam akaun barangam?
- Rusia mengimport minyak sawit bernilai RM150 juta dari Malaysia
 - China memberi pinjaman bernilai RM10 bilion kepada kerajaan Malaysia
 - Maybank memberi biasiswa bernilai RM5 juta kepada 5 orang pelajar Thailand
 - Syarikat Malaysia menerima pulangan pelaburan dari India bernilai RM120 juta

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing.

Cik Annur telah membeli baju dan barang kemas dari Jepun dengan harga 45 000 Yen. Kadar pertukaran asing antara Yen (¥) dengan Ringgit Malaysia (RM) adalah seperti berikut:

Unit (¥)	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
100	3.0063	3.1376

Berapakah yang perlu dibayar oleh Cik Annur dalam Ringgit Malaysia?

- A RM141 192.00
- B RM135 283.50
- C RM1 411.92
- D RM1 352.83

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran antara Dolar Singapura (SGD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Mei 2023	Mei 2024
1 SGD = RM3.3921	1 SGD = RM3.4680

Pernyataan yang manakah betul?

- A Nilai Ringgit Malaysia naik
- B Imbangan dagangan menjadi kurangan
- C Harga import dari Singapura murah
- D Nilai eksport Malaysia meningkat

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Usahawan ialah individu yang menyelaraskan input dalam proses menyediakan perkhidmatan.
II Usahawan mendapat ganjaran kerana sanggup menanggung risiko perniagaan.
- 35 I Beban cukai pembeli lebih besar daripada pengeluar bagi permintaan yang anjal.
II Permintaan yang anjal mempunyai pekali keanjalan lebih daripada satu.
- 36 I Pelepasan cukai yang tinggi mengurangkan pendapatan boleh guna.
II Pendapatan boleh guna ialah baki pendapatan setelah ditolak perbelanjaan penggunaan.
- 37 I Kos marginal ialah perubahan jumlah kos akibat pertambahan seunit input berubah.
II Kos marginal sama dengan kos purata pada kos purata maksimum.

- 38 I Dasar harga minimum menetapkan harga lebih tinggi daripada harga keseimbangan pasaran.
II Dasar harga minimum bertujuan untuk meningkatkan kebajikan pengguna.
- 39 I Kos upah yang murah didorong oleh perkembangan syarikat multinasional.
II Syarikat multinasional mempunyai cawangan di negara berbeza.
- 40 I Pengurangan permintaan barang import menyebabkan akaun semasa defisit.
II Akaun semasa defisit diatasi dengan mengetarkan visa pelancong.

A RM141.4500
B RM152.5000
C RM142.5000
D RM111.5000

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

(Q5) (Q6) (Q7) (Q8) (Q9) (Q10)

1 SGD - RM1300	2 SGD - RM1200	3 SGD - RM1000
----------------	----------------	----------------

A RM141.4500
B RM152.5000
C RM142.5000
D RM111.5000

Soalan 34. Pada soalan 30, Alif akan membuat pembelian dengan jumlah yang sama pada setiap hari selama tiga hari. Jumlah pembelian pada hari pertama ialah RM1000. Jumlah pembelian pada hari ketiga ialah RM1200. Jumlah pembelian pada hari kedua ialah

No.	Pembelian pada hari pertama	Pembelian pada hari kedua	Pembelian pada hari ketiga
A	RM1000	RM1200	RM1000
B	RM1000	RM1000	RM1200
C	RM1200	RM1000	RM1000
D	RM1000	RM1000	RM1000

Soalan 35. Pada soalan 30, Alif akan membuat pembelian dengan jumlah yang sama pada setiap hari selama tiga hari. Jumlah pembelian pada hari pertama ialah RM1000. Jumlah pembelian pada hari ketiga ialah RM1200. Jumlah pembelian pada hari kedua ialah

A RM141.4500
B RM152.5000
C RM142.5000
D RM111.5000

Soalan 36. Pada soalan 30, Alif akan membuat pembelian dengan jumlah yang sama pada setiap hari selama tiga hari. Jumlah pembelian pada hari pertama ialah RM1000. Jumlah pembelian pada hari ketiga ialah RM1200. Jumlah pembelian pada hari kedua ialah

A RM141.4500
B RM152.5000
C RM142.5000
D RM111.5000